



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 30 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **6,715 kes** (2,368,634 kes kumulatif, 96.0%);
- Kes baharu : **5,854 kes** (2,466,663 kes kumulatif);
- Kes import : **13 kes** (8 warganegara; 5 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **5,841 kes** [5,504 warganegara (94.2%); 377 bukan warganegara (5.8%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **570 kes** (503 kes disahkan COVID-19 ; 67 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **293 kes** (216 kes disahkan COVID-19 ; 77 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,765 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **2 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,327 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **438 kluster**.

Daripada **5,854 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **79 kes (1.3 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **5,775 kes (98.7 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

30 Oktober 2021 @ 6:00 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 30 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Jalan Puncak Iskandar	Kumpulan Berisiko Tinggi	Perak	Perak Tengah	7	40
2	Industri Batu Berendam 2	Tempat Kerja	Melaka	Alor Gajah, Jasin, dan Melaka Tengah	148	370

LAMPIRAN 2**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 29 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
NEGERI SEMBILAN	1.04
WP KUALA LUMPUR	1.00
WP PUTRAJAYA	1.00
MELAKA	0.98
SELANGOR	0.97
KEDAH	0.95
SABAH	0.93
PAHANG	0.92
JOHOR	0.88
PERLIS	0.88
PERAK	0.88
PULAU PINANG	0.86
TERENGGANU	0.86
KELANTAN	0.85
SARAWAK	0.83
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.95